

07/12/1998

Desakan menyulitkan Pas

KOTA BHARU, Ahad - Desakan pedagang mata wang, George Soros, agar Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, disingkirkan turut menyusahkan Pas kerana ia seakan-akan sehalu dengan kehendak parti pembangkang itu.

Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata Soros sepatutnya menutup mulut dalam perkara itu kerana ia adalah masalah dalaman yang tidak wajar dicampuri pihak asing.

"Ini cerita lama dan sejak awal lagi sudah kita katakan, orang luar jangan campur masalah negara (kerana) pandailah kita menyelesaikannya.

"Kenyataan Soros itu kini mendatangkan masalah bagi Pas kerana sebagai lawan Umno, kami mungkin dilihat seolah-olah tunduk dengan kehendak suara orang luar.

"Desakan Soros itu hanya melambangkan sifatnya yang kekurangan dari segi psikologi dan jika dia mahu kita guling Dr Mahathir, maka kita pula suruh dia tutup mulut," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Peranan Pemimpin dan Masyarakat Dalam Membanteras Jenayah, Dadah dan Gejala Sosial di Kota Darul Naim, di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Soros yang mendesak agar Dr Mahathir disingkirkan manakala bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, dibebaskan dari penjara.

Soros yang juga Pengerusi Pengurusan Dana Soros dan Penasihat Dana Quantum, membuat kenyataan itu, Khamis lalu di Washington, ketika mempromosi buku barunya 'The Crisis of Global Capitalism' (Krisis Kapitalisme Dunia).

Nik Abdul Aziz yang juga Mursyidul Am Pas berkata, landasan terbaik mengubah kepemimpinan ialah menerusi pilihan raya yang selari dengan amalan demokrasi.

(END)